

ESG lancar program bantu syarikat kecil, sederhana lalui transformasi

ENTERPRISE Singapore (ESG) telah melancarkan Program Kepimpinan Perniagaan untuk Transformasi (ELT) yang disasarkan kepada syarikat kecil dan sederhana (SME) di peringkat awal transformasi.

Menurut kenyataan ESG, program itu sudah menyaksikan penyertaan 60 wakil dari 38 SME setempat.

ELT yang dibangunkan menerusi kepakaran bersama institut pembelajaran tinggi

(IHL) – seperti Universiti Nasional Singapura (NUS) – institusi kewangan dan rakan industri berpengalaman, bertujuan mengasah asas kepimpinan dan perniagaan para ketua perniagaan serta membantu mereka dalam usaha transformasi.

Syarikat-syarikat akan menjalani kurikulum selama setahun di bawah ELT.

Program tersebut dijangka disertai oleh sekitar 900 pemimpin SME dalam masa tiga

tahun.

Sejauh ini, program yang dikendalikan buat julung-julung kalinya, telah menarik syarikat dari pelbagai sektor termasuk gaya hidup, perkilangan dan dagangan borong, kata ESG.

Menurut kenyataan itu lagi, SME yang menyertainya adalah mereka yang berpotensi dan ingin mencapai pertumbuhan, dalam peringkat awal transformasi dan bertekad un-

tuk membawa perniagaan mereka ke peringkat seterusnya.

“Majoriti juga sudah meluaskan perniagaan ke luar negara dan sedang meneroka pertumbuhan lebih lanjut, dengan meningkatkan keupayaan mereka atau meluaskan niaga ke lebih banyak pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif ESG, Encik Png Cheong Boon, berkata:

“Kami faham bahawa transformasi perni-

agaan bukan satu tugas mudah dan ada SME kita tidak tahu bagaimana untuk melakukannya.

“Program ini bermatlamat untuk melengkapi pemimpin SME dengan pengetahuan untuk memimpin transformasi perniagaan dan mendorong pertumbuhan perniagaan agar mereka dapat membangunkan perniagaan setempat lebih kukuh dan menggerakkan ekonomi Singapura ke depan.”